

MODEL KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK TERHADAP PENGUASAAN DAN MINAT PELAJAR TINGKATAN 2 DALAM IBADAH SOLAT

THE EFFECTIVENESS MODEL OF PROJECT-BASED LEARNING ON THE MASTERY AND INTEREST FORM 2 STUDENTS IN Fiqh SOLAT

Nur Hamizah Zainal Abidin¹

Zuraimy Ali^{2*}

Alex Yusron Al Mufti³

¹Pelajar Siswazah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA cawangan Perlis (UiTM), Malaysia, (Email:myzazynal@gmail.com)

²Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA cawangan Perlis (UiTM), Malaysia, (Email:zuraimy@uitm.edu.my)

³Pensyarah Kanan, Universitas Islam Nahdlatul Ulama Jepara, Kabupaten Jepara, Jawa Tengah, Indonesia (Email: alex@unisnu.ac.id)

Article history

Received date : 2-12-2025

Revised date : 3-12-2025

Accepted date : 24-12-2025

Published date : 20-1-2026

To cite this document:

Zainal Abidin, N. H., Ali, Z., Al Mufti, A. Y. (2026). Model keberkesanan pembelajaran berasaskan projek terhadap penguasaan dan minat pelajar Tingkatan 2 dalam ibadah solat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (80), 352 – 363.

Abstrak: Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) diiktiraf secara meluas sebagai pendekatan inovatif berpusatkan pelajar yang menggalakkan penyertaan aktif, pemikiran kritis serta penglibatan yang bermakna. Walaupun keberkesanannya telah didokumentasikan dengan baik dalam pendidikan umum, penyelidikan mengenai aplikasinya dalam Pendidikan Islam masih berkurangan terutamanya dalam ibadah solat. Lazimnya pengajaran dan pembelajaran (PdP) ibadah solat dilaksanakan dengan kaedah berasaskan kuliah berpusatkan guru, yang membawa kepada pembelajaran pasif, penguasaan yang lemah, dan minat pelajar yang merosot. Kajian literatur mengetengahkan potensi PBP sebagai pedagogi alternatif untuk pengajaran solat dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dengan mensintesis dan menganalisis secara kritis penyelidikan sedia ada, kajian ini telah mengenal pasti beberapa jurang penyelidikan. Di antaranya tumpuan yang terhad kepada bidang Pendidikan Islam khususnya dalam pembelajaran ibadah solat, terlalu menekankan hasil kognitif dengan sedikit perhatian kepada dimensi afektif dan rohani. Bagi menangani jurang ini, kajian ini dicadangkan dengan meletakkan PBP sebagai satu cara untuk mengintegrasikan aspek pembelajaran kognitif, praktikal, dan afektif. Selain itu, keberkesanan PBP turut menyumbang secara teori dengan meluaskan wacana PBP ke dalam bidang pedagogi Islam dan secara praktikal dengan mencadangkan alternatif pengajaran yang lebih menarik kepada pendidik, dan penggubal dasar. Akhirnya, kajian ini menggariskan kepentingan strategi inovatif dan berpusatkan pelajar dalam memastikan pengajaran solat bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan pengetahuan dan amalan bahkan juga minat dan penghayatan rohani yang berkekalan.

Kata kunci: *Pembelajaran Berasaskan Projek, Pendidikan Islam, Penguasaan, Minat dan Ibadah Solat.*

Abstract: *Project-Based Learning (PBL) has been widely recognized as an innovative student-centered approach that encourages active participation, critical thinking, and meaningful engagement. Although its effectiveness has been well documented in general education, research on its application in Islamic Education is still lacking, especially in fiqh solat. Typically, teaching and learning of fiqh solat is implemented with a teacher-centered lecture-based method, which leads to passive learning, poor mastery, and declining student interest. This study highlights the potential of PBL as an alternative pedagogy for teaching prayer among secondary school students. By synthesizing and critically analyzing existing research, this study has identified several research gaps, including a limited focus on the field of Islamic education, especially in prayer learning, overemphasizing cognitive outcomes with little attention to the affective and spiritual dimensions. To address this gap, this study proposes to position PBL as a way to integrate cognitive, practical, and affective aspects of learning. In addition, the effectiveness of PBL contributes theoretically by expanding the discourse of PBL into the field of Islamic pedagogy and practically by suggesting teaching alternatives that are more attractive to educators and policymakers. Finally, this study highlights the importance of innovative and student-centered strategies in ensuring that prayer teaching not only enhances knowledge and practice mastery but also lasting spiritual interest and appreciation.*

Keywords: *Project-Based Learning, Islamic Education, Mastery, Interest and Fiqh Solat.*

Pendahuluan

Sejak kebelakangan ini, pendekatan pendidikan telah beralih daripada berpusatkan guru atau pengajaran berasaskan kuliah kepada pendekatan yang lebih interaktif, iaitu berpusatkan pelajar yang mengutamakan pemikiran kritis, kerjasama dan aplikasi dunia sebenar. Menurut Greener (2015) pembelajaran berpusatkan pelajar ialah pendekatan yang memberi tumpuan kepada reka bentuk pengalaman pembelajaran dengan pelajar sebagai individu aktif dalam proses pembelajaran. Beliau menambah keberkesannya dipengaruhi oleh persepsi sendiri, tahap efikasi sendiri, pengalaman pembelajaran lepas, dan persekitaran sosial yang mempengaruhi tahap penglibatan pelajar (Greener, 2015). Malah kajian oleh Tamuri dan Nor, (2015) menyatakan pelajar lebih berminat kepada pembelajaran yang aktif berasaskan kepada aktiviti pembelajaran sendiri. Salah satu pembelajaran aktif yang paling banyak diterima pakai dalam transformasi ini ialah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). PBP adalah model pengajaran melibatkan pelajar dalam dunia sebenar, di mana pelajar membangunkan dan menerapkan kemahiran serta pengetahuan (Thomas, 2000). Tidak seperti kaedah tradisional, yang sering menekankan hafalan dan pembelajaran pasif. Menurut Amirova (2025) kaedah pengajaran tradisional cenderung untuk memupuk pembelajaran pasif dan hafalan, manakala pendekatan bukan tradisional menggalakkan pemikiran kritis dan motivasi. Berbeza dengan PBP yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengambil alih pembelajaran mereka, meneroka topik secara mendalam, dan menggunakan pengetahuan mereka dalam konteks yang bermakna.

Matlamat pendidikan dalam Islam adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek yang mampu berperanan sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi. Menurut Ali dan Yahaya, (2022) Pendidikan Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan modal insan, khususnya dalam menangani masalah keruntuhan moral dan sosial yang semakin meruncing. Mereka turut menyatakan bahawa surah

Luqman menekankan nilai hikmah, kesyukuran, disiplin dan adab sebagai asas pembentukan modal insan. Sehubungan itu, pendekatan pedagogi yang menekankan penglibatan aktif pelajar, pembelajaran kontekstual serta pengalaman pembelajaran berasaskan situasi sebenar adalah diperlukan bagi memastikan nilai-nilai solat berjemaah dapat dihayati secara bermakna. Justeru pendekatan seperti PBP membolehkan nilai-nilai ini diterapkan melalui pengalaman pembelajaran yang aktif dan bermakna, sejajar dengan matlamat Pendidikan Islam yang holistik.

Dalam bidang Pendidikan Islam, inovasi PdP adalah tepat pada masanya dan perlu. Hal ini demikian bagi menyokong matlamat utama Pendidikan Islam iaitu melahirkan pelajar yang berilmu, berakhlak mulia, menghayati nilai Islam, serta mampu beribadah dan berbakti sepanjang hayat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Salah satu ibadah yang paling asas dalam Islam ialah solat. Ibadah solat merupakan tuntutan yang wajib ke atas setiap umat Islam yang *mukallaf* seperti mana firman Allah S.W.T di dalam surah *an-Nisa'* yang bermaksud:

“Kemudian apabila kamu telah selesai menunaikan solat (dalam keadaan takut), maka ingatlah Allah, sama ada ketika berdiri, duduk atau berbaring. Apabila kamu kembali merasa aman, maka dirikanlah solat itu (sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya”.

(Surah *an-Nisa'*: ayat 103).

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa solat itu adalah wajib ke atas setiap Muslim yang *mukallaf* dan sebagai tanda pengabdiaan dan peringatan hamba kepada penciptanya Allah. *Mukallaf* berasal dari kata '*kallafa*' yang bererti membebani. Menurut Irwansyah (2021) *mukallaf* adalah orang yang dibebani dengan hukum syariat. Dalam erti kata lain *mukallaf* bermaksud orang Islam yang berakal dan dipertanggungjawabkan ke atasnya hukum syarak. Ibadah solat merangkumi kedua-dua pemahaman teori tentang ketetapan, rukun dan syaratnya serta penguasaan praktikal pelaksanaannya. Dalam pembelajaran solat, kurikulum ini menggariskan objektif untuk membimbing murid memahami konsep, melaksanakan, dan menghayati amalan solat sebagai ibadah wajib dan rutin dalam kehidupan seharian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Justeru inovasi PdP seperti PBP adalah wajar dan perlu bagi mencapai matlamat kurikulum solat tersebut. Pendekatan PBP bukan sahaja dapat membangunkan pembelajaran sendiri pelajar malah meningkatkan pencapaian mereka berbanding murid yang tidak mengikuti PBP (Nor, 2019; Jerai, 2022). Menurut Nor (2019) ianya bersesuaian dengan matlamat PBP itu sendiri yang bertujuan untuk melibatkan pelajar dengan idea-idea konsep serta membangunkan kemahiran yang sukar diperoleh melalui kaedah pengajaran lain. Bagi pelajar di sekolah menengah, khususnya di tingkatan dua, peringkat remaja ini merupakan tempoh kritikal untuk membentuk sikap terhadap kewajipan agama dan menyemai amalan konsisten yang boleh bertahan seumur hidup. Menurut Marise (2024) pelajar pada usia 13 hingga 14 tahun berminat kepada aktiviti pembelajaran yang praktikal dan menarik. Justeru setiap penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran dan praktikal boleh mempengaruhi penguasaan dan minat mereka terhadap amalan ibadah harian mereka.

Penyataan Masalah

Walaupun solat merupakan asas dalam kehidupan seorang Muslim, namun kajian dan pemerhatian menunjukkan bahawa ramai pelajar bergelut dalam aspek penguasaan serta

mengekalkan minat yang berterusan dalam ibadah tersebut. Ini disokong kajian oleh Idris et al., (2020) mendapati bilangan pelajar mendapat gred F dalam ujian solat fardhu adalah lebih tinggi berbanding gred yang lain iaitu seramai 34 orang pelajar. Malah tiada pelajar yang mendapat gred A dalam ujian tersebut. Dapatan ini jelas menunjukkan penguasaan ibadah solat di kalangan pelajar adalah rendah. Faktor yang menyumbang kepada isu ini termasuk penyertaan aktif yang terhad dalam pelajaran, pergantungan pada pengajaran berasaskan kuliah konvensional dan kekurangan peluang untuk pelajar menghubungkan pembelajaran bilik darjah mereka dengan pengalaman kehidupan sebenar. Pendekatan tradisional yang sering kali menumpukan pada penerangan teks dan demonstrasi guru, meninggalkan pelajar sebagai penerima maklumat yang pasif. Kaedah sedemikian boleh mengehadkan motivasi, mengurangkan penglibatan, dan gagal menangani gaya pembelajaran yang pelbagai yang terdapat dalam bilik darjah hari ini.

Menurut Nazim dan Jasmi, (2023) kebanyakan Guru Pendidikan Islam (GPI) menggunakan pendekatan tradisional yang berpusatkan guru di dalam pembelajaran ibadah solat kerana sudah selesai menggunakan pendekatan itu di dalam PdP. Faisal et al., (2022) pula menyatakan pendekatan pengajaran tradisional atau berbentuk kuliah ini adalah pasif, kerana hanya memerlukan sedikit penglibatan aktif daripada pelajar dan menyukarkan pelajar untuk mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman sebenar. Kajian-kajian terdahulu mendapati wujud jurang dalam keupayaan pelajar, khususnya dari segi mengingat prinsip asas solat, melaksanakan ibadah tersebut dengan kaedah yang betul, serta menghayati nilai rohani dan sosial yang terkandung di dalamnya. Kajian oleh Tamuri dan Nor, (2015) menyatakan kaedah pengajaran '*chalk and talk*' yang masih menjadi amalan segelintir GPI bukan sahaja menyukarkan pelajar untuk mengingat fakta malah membuatkan pelajar cepat berasa bosan dan mengantuk dalam aktiviti pembelajaran (Faisal et al., 2022). Hal ini kerana, pelajar cenderung untuk mendengar dan memberi perhatian penuh adalah sekitar 10 hingga 20 minit dalam satu sesi pembelajaran dan mulai merosot selepas tempoh itu (Bradbury, 2016). Pelajar bukan sahaja cenderung melupakan kandungan pembelajaran sejurus selepas peperiksaan malahan lemah dalam menguasai konsep solat di mana memerlukan peneguhan dan amalan yang berterusan. Oleh itu, jurang antara teori dan amalan ini menuntut kajian konseptual bagi membangunkan model keberkesanan PBP dalam ibadah solat.

Konsep Pembelajaran Berasaskan Projek

PBP merupakan salah satu pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar (Tamuri & Nor, 2015) dan strategi pengajaran yang berkesan pada abad ke-21 (Chu et al., 2017). Kajian terdahulu membuktikan melalui PBP, pelajar bukan sahaja memperoleh pemahaman mendalam dengan mengaitkan kandungan pembelajaran kepada situasi kehidupan sebenar (Wurdinger & Enloe, 2011) malah PBP turut meningkatkan pencapaian dan penguasaan akademik pelajar, memupuk kemahiran interpersonal seperti komunikasi, kolaborasi dan kepimpinan (Jerai, 2022; Hidayat et al., 2024).

PBP telah dilaksanakan secara meluas di peringkat antarabangsa, manakala di Malaysia pendekatan ini selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menekankan kemenjadian murid holistik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) serta Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang mempersiapkan murid dengan kemahiran abad ke-21 dalam era digital (Aqil, 2024). Selain itu, pendekatan PBP sejajar dengan Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kerana masing-masing menekankan perkembangan menyeluruh pelajar yang merentasi domain intelek, rohani, emosi dan sosial.

Kajian-kajian terdahulu jelas menunjukkan bahawa PBP berkesan dalam meningkatkan penguasaan dan minat pelajar kerana PBP menstrukturkan pembelajaran melalui kolaborasi, inkuiri dan aplikasi dunia sebenar. Namun begitu, kajian berkaitan PBP yang mengintegrasikan PBP dalam kandungan ibadah seperti solat masih kurang dihuraikan secara sistematik berbanding kajian yang membincangkan hasil akademik dan kemahiran yang diperoleh daripada PBP. Justeru jurang ini menunjukkan keperluan penelitian PBP bukan sekadar sebagai strategi pedagogi umum, malah sebagai pendekatan yang perlu disesuaikan dengan matlamat pembelajaran khusus, termasuk penguasaan dan minat dalam ibadah solat.

Aplikasi PBP dalam Pendidikan Umum

Terdapat banyak kajian empirikal secara konsisten menunjukkan bahawa pendekatan PBP bukan sahaja mudah difahami dan diikuti oleh pelajar (Min & Mapa, 2021), malah dapat memupuk kemahiran abad ke-21 seperti kerjasama, komunikasi, dan penyelesaian masalah (Maros et al., 2023; Rubino, 2024; Jerai, 2022; Fadhil et al., 2021).

Kajian-kajian ini menekankan bahawa PBP yang memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah dunia sebenar membolehkan pelajar membina pengetahuan secara aktif serta mengembangkan kemahiran interpersonal dan pemikiran aras tinggi. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian ini menilai keberkesanan PBP dari perspektif pencapaian akademik dan kemahiran generik, tanpa membincangkan dengan mendalam tentang keberkesanannya dalam pembelajaran yang berdasarkan nilai atau amalan keagamaan seperti ibadah solat.

Aplikasi PBP dalam Pendidikan Islam

Dalam konteks Pendidikan Islam, PBP telah dicadangkan sebagai alat pedagogi yang dapat menyokong matlamat menyeluruh untuk memupuk pelajar yang berilmu dan berakhlak mulia, (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran aktif termasuk PBP, amat berkesan dalam memupuk penglibatan terarah sendiri dan minat yang berterusan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Nor, 2019). Walau bagaimanapun, beberapa kajian terdahulu menegaskan bahawa keberkesanan pendekatan pembelajaran aktif dalam Pendidikan Islam tidak hanya bergantung kepada reka bentuk pedagogi semata-mata, tetapi juga banyak dipengaruhi oleh tahap kesediaan guru dan sokongan institusi. Dapatan Al Mufti et al. (2025) menunjukkan bahawa walaupun guru Pendidikan Islam mempunyai pemahaman konseptual yang baik tentang pedagogi berpusatkan pelajar, amalan PBP masih berada pada tahap berkembang, terutamanya disebabkan oleh kekangan dalam perancangan pengajaran dan penilaian autentik. Dari perspektif bukti empirikal, kajian dalam konteks serantau menunjukkan bahawa PBP berpotensi untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam Pendidikan Islam berbanding pendekatan tradisional (Hidayat et al., 2024; Fawaas et al., 2024).

Walaupun kajian terdahulu jelas menunjukkan keberkesanan PBP dari aspek kognitif namun dari aspek afektif dan kerohanian masih kurang diberi perhatian. Tambahan pula, fokus penyelidikan sedia ada lebih menumpukan kepada topik tertentu seperti akhlak, sirah atau ibadah haji. Dapatan kajian Johari et al., (2016) juga menunjukkan bahawa pengajaran ibadah solat masih didominasi oleh kaedah kuliah pasif, sekali gus mewujudkan keperluan untuk meneroka pendekatan alternatif seperti PBP dengan lebih sistematik bagi meningkatkan penguasaan dan minat pelajar dalam solat.

Implikasi PBP terhadap Penguasaan dan Minat dalam Ibadah Solat

PBP telah diakui secara meluas sebagai pendekatan berpusatkan pelajar yang bukan sahaja meningkatkan prestasi akademik pelajar tetapi juga memupuk penyertaan aktif dan minat jangka panjang dalam pembelajaran. PBP dikaitkan dalam pelbagai konteks seperti peningkatan motivasi, penyertaan aktif, dan kecenderungan pelajar untuk menghubungkan pengetahuan dengan situasi sebenar, yang seterusnya menyumbang kepada minat pembelajaran yang lebih berterusan (Jerai, 2022; Maros et al., 2023). Pola penemuan ini menunjukkan bahawa PBP bukan sahaja mempengaruhi hasil kognitif, tetapi juga berpotensi untuk mengukuhkan komponen afektif seperti minat dan penglibatan.

Walaupun pendekatan PBP selari dengan keperluan Pendidikan Islam yang menekankan pembelajaran bermakna dan pembentukan nilai, akan tetapi bukti empirikal yang mengaitkan PBP secara langsung dengan penguasaan ibadah solat dan minat terhadapnya masih belum meluas. Malah kajian sedia ada sering bergantung kepada ukuran yang menekankan prestasi atau kefahaman konsep lebih daripada penghayatan rohani. Justeru, sumbangan PBP dalam konteks solat wajar difahami sebagai potensi pedagogi yang perlu dinilai melalui reka bentuk PdP, konteks pelajar, dan bentuk pentaksiran yang digunakan.

Secara keseluruhannya, pengintegrasian PBP ke dalam pengajaran solat berpotensi untuk mengubah pembelajaran pasif kepada penglibatan aktif dan bermakna. Namun demikian, dalam konteks ibadah solat literatur dari segi bukti khusus yang menilai serentak penguasaan, dan minat masih memerlukan pengukuhan. Dengan merapatkan pengetahuan, amalan dan refleksi, PBP boleh berfungsi sebagai strategi pedagogi yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan dan minat yang berterusan dalam salah satu rukun ibadah Islam yang paling asas

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian literatur berbentuk kepustakaan kualitatif konseptual bagi mensintesis dapatan kajian lepas, seterusnya **membangunkan rangka kerja konseptual** berkaitan PBP dalam pengajaran solat. Pemilihan sumber rujukan berdasarkan kriteria tertentu yang melibatkan artikel jurnal, kajian empirikal terdahulu, dokumen dasar, kertas persidangan dan beberapa sumber lain dalam tempoh 10 tahun, iaitu antara tahun 2015 hingga 2025. Sebanyak 34 sumber utama telah dianalisis secara mendalam, merangkumi 15 artikel jurnal, 3 tesis, 2 kertas persidangan, 6 dokumen dasar dan 8 daripada sumber lain. Kesemua sumber ini merangkumi kajian dalam dan luar negara yang membincangkan keberkesanan PBP, pembelajaran berpusatkan pelajar serta pengajaran ibadah solat dalam konteks pendidikan formal.

Kajian ini dijalankan kaedah kepustakaan kualitatif bagi mengkaji keberkesanan PBP terhadap penguasaan dan minat pelajar tingkatan dua dalam ibadah solat. Kajian kepustakaan adalah kaedah yang digunakan oleh penyelidik bagi mendapat data dan bukti dengan melakukan kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada (Mohd Shaffie, 1991). Kajian ini bergantung kepada tinjauan luas literatur sedia ada, seperti artikel jurnal, dokumen dasar, dan kajian empirikal terdahulu untuk mensintesis pengetahuan semasa tentang PBP dan aplikasi pedagoginya. Melalui analisis kritis dan perbandingan kajian lepas, kajian ini mengenal pasti jurang yang sedia ada, terutamanya dalam pelaksanaan PBP bagi memupuk penguasaan kognitif dan minat dalam pembelajaran solat di kalangan pelajar sekolah menengah.

Kajian ini melibatkan proses pengumpulan daripada pelbagai sumber akademik seperti artikel jurnal dan tesis yang kemudian dikategorikan dianalisis bagi mewujudkan asas teori dan cara

pengaplikasian PBP. Selain itu, dengan mengintegrasikan penemuan daripada kajian luar dan dalam negara, kajian ini membangunkan rangka kerja konsep yang menyelaraskan prinsip PBP dengan objektif kognitif dan afektif dalam Pendidikan Islam (Chu et al., 2017; (Hidayat et al., 2024; Fawaas et al., 2024). Kekuatan kajian ini terletak pada keupayaannya untuk mensintesis perspektif yang pelbagai dan menyediakan cadangan berasaskan bukti berdasarkan teori untuk penyelidikan empirikal dan aplikasi bilik darjah pada masa hadapan.

Perbincangan Dapatan Lepas

Literatur sedia ada membuktikan keberkesanan PBP terhadap pelajar dapat meningkatkan pencapaian akademik mahu pun memupuk kemahiran interpersonal dalam diri pelajar. Namun begitu wujud jurang ketara dalam mengaplikasikan PBP dalam Pendidikan Islam, khususnya dalam topik ibadah solat. Penyelidikan terdahulu mendedahkan pendekatan PBP bukan sahaja dapat dilaksanakan pada peringkat pendidikan tinggi malahan pada peringkat pendidikan rendah dalam pelbagai bidang seperti Sains, Matematik, Reka Bentuk Teknologi dan Geografi, di mana PBP secara konsisten menunjukkan peningkatan prestasi akademik dan penglibatan pelajar (Rubino, 2024; Jerai, 2022; Maros et al., 2023; Chu et al., 2017; Min & Mapa, 2021). Sebaliknya, kajian yang memfokuskan kepada Pendidikan Islam masih terhad, dan apabila ia wujud, ia sering menumpukan kepada tema yang lebih luas seperti akhlak, sirah, atau ibadah haji dan umrah (Nor, 2019; Tamuri & Nor, 2015). Walaupun terdapat kajian yang membincangkan tentang ibadah solat, namun ianya dari aspek yang berbeza, di mana penyelidikan lebih menumpukan kepada amalan dan strategi pengajaran GPI berpusatkan pelajar dalam ibadah solat tanpa membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan PBP (Nazim, 2024). Kajian oleh Nazim dan Jasmi, (2023) menyatakan terdapat empat kaedah yang lazim dipraktikkan oleh GPI dalam ibadat solat iaitu amali, demonstrasi, perbincangan dalam kumpulan dan pembelajaran berbantuan komputer.


Walaupun kajian lepas mendedahkan potensi PBP untuk memupuk minat pelajar dan kebolehan menyelesaikan masalah dalam Pendidikan Islam, namun pedagogi atau pendekatan pengajaran yang berkaitan dengan pengajaran solat masih terhad. Sebagai contoh, beberapa kajian terdahulu menyatakan kelaziman PdPC GPI banyak bergantung kepada pendekatan berasaskan kuliah, yang menekankan penerangan teks dan demonstrasi guru. Menurut Johari, Fakhruddin, et al., (2016) kaedah kuliah biasanya melibatkan penerangan umum diikuti dengan penjelasan terperinci tentang topik berkaitan solat. Selain itu, terdapat keengganan sebilangan GPI untuk mengubah paradigma daripada PdP berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar dalam pengajaran ibadah solat dengan pelbagai alasan seperti sudah selesai dengan pendekatan berpusatkan guru dan menghabiskan sukatan pelajaran yang begitu banyak (Nazim & Jasmi, 2023). Kaedah tradisional ini sering mengakibatkan penyertaan pelajar yang pasif dan pengekalan pengetahuan yang rendah, dengan pelajar bergelut untuk menguasai prinsip teori dan pelaksanaan amali solat (Faisal et al., 2022; Idris et al., 2020). Akibatnya, penguasaan solat di kalangan pelajar lemah dan minat berterusan mereka dalam amalan harian sukar untuk dipupuk.

Dalam konteks Pendidikan Islam, kajian tentang keberkesanan pendekatan pembelajaran sering kali terlepas pandang terhadap faktor tekanan kerja yang dihadapi oleh guru. Menurut (Ali et al., 2025) tekanan kerja yang dialami ditempat kerja boleh memberi kesan dan mempengaruhi pekerja dan keberkesanan organisasi. Begitu juga dengan guru tekanan kerja yang tinggi akibat bebanan tugas pentadbiran akan mempengaruhi keberkesanan PdP Pendidikan Islam yang lebih berkesan. Oleh itu, pendekatan seperti PBP berpotensi untuk mengurangkan tekanan tersebut

dengan memberikan lebih banyak ruang kepada guru untuk berinteraksi secara langsung dengan pelajar dalam aktiviti pembelajaran yang lebih dinamik dan menyeronokkan. Dengan mengurangkan elemen pengajaran yang pasif, PBP memberikan peluang kepada guru untuk menyesuaikan kaedah pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar yang lebih berfokus kepada pemahaman praktikal dan kerjasama, yang seterusnya boleh mengurangkan bebanan psikologi dan fizikal yang dihadapi oleh guru (Ali et al., 2025). PBP bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan dan minat pelajar dalam ibadah solat malah memberi impak positif terhadap kesejahteraan guru, dengan mengurangkan tekanan kerja mereka melalui peningkatan kualiti interaksi dalam kelas dan pengurangan bebanan administratif yang tidak berkaitan dengan pengajaran utama. Schubungan itu, kajian ini mencadangkan agar pendekatan PBP disepadukan dalam PdP topik solat sebagai satu pendekatan pedagogi yang berpotensi meningkatkan kecekapan guru dalam penyampaian isi pelajaran. Pendekatan ini bukan sahaja dapat memperkukuh keberkesanan proses PdP, bahkan turut membantu mengurangkan beban tugas tambahan yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan pengajaran solat.

Selain itu, majoriti kajian menekankan hasil kognitif seperti pemerolehan pengetahuan dan prestasi akademik manakala hasil afektif dan kerohanian seperti minat, dan penghayatan nilai agama kurang mendapat perhatian secara perbandingan (Rubino S., 2024; Jerai, 2022; (Min & Mapa, 2021) Terdapat kelemahan dalam pendekatan ini kerana solat bukan sekadar proses kognitif, tetapi juga merupakan amalan kerohanian yang mengintegrasikan pengetahuan, pelaksanaan, dan pengabdian. Tanpa menitikberatkan dimensi afektif dan spiritual, sebarang inovasi pedagogi berpotensi tidak mampu menghasilkan perubahan bermakna dan berpanjangan dalam pengalaman keagamaan pelajar. Selain itu, kajian empirikal yang mengkaji secara langsung PBP dalam konteks solat adalah terhad. Sebagai contoh, walaupun modul berasaskan PBP telah berjaya digunakan untuk topik seperti haji dan 'umrah melalui tugas projek seperti membina replika *Ka'bah*, usaha setanding untuk mereka bentuk dan menilai intervensi PBP untuk solat hampir tidak terdapat dalam literatur. Ini seterusnya menekankan keperluan untuk penyiasatan sistematik tentang bagaimana PBP boleh diaplikasikan dalam pembelajaran solat, terutamanya dalam kalangan pelajar menengah rendah yang berada pada tahap perkembangan kritikal (Marise, 2024), selain memupuk amalan solat yang berterusan dalam diri pelajar. Walaupun prinsip asas PBP seperti kerjasama, inkuiri dan aplikasi pengetahuan dalam konteks dunia sebenar sejajar dengan kebersamaan dalam ibadah solat namun hanya sebilangan kecil kajian yang benar-benar mengaplikasikan penjajaran ini dalam intervensi pengajaran bilik darjah. Akibatnya, potensi PBP untuk merapatkan pemahaman kognitif, penglibatan afektif, dan penguasaan tingkah laku dalam pengajaran solat sebahagian besarnya masih bersifat teori dan belum diterokai secara menyeluruh dalam konteks praktikal.

Cadangan Model Keberkesanan PBP Terhadap Penguasaan Dan Minat Pelajar Tingkatan 2 Dalam Ibadat Solat



Rajah 1 Model Keberkesanan PBP Terhadap Penguasaan Dan Minat Pelajar Tingkatan 2 Dalam Ibadat Solat

Rajah 1 di atas menunjukkan cadangan model keberkesanan PBP terhadap penguasaan dan minat pelajar dalam topik ibadah solat. Model ini dibina dengan menggabungkan tiga teori utama iaitu Teori Konstruktivisme Vygotsky (1978), Teori Sosial Ibn Khaldun (1986) dan Teori Pendidikan Imam al-Ghazali. Gabungan ketiga-tiga teori ini menjelaskan keberkesanan PBP dalam menyokong pembangunan pelajar dari sudut kognitif dan afektif dalam Pendidikan Islam.

Teori Konstruktivisme Vygotsky yang menekankan kepentingan *scaffolding* dan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) menjelaskan tentang bagaimana pelajar memperoleh sokongan pembelajaran melalui interaksi dengan guru dan rakan sebaya, seterusnya meningkatkan keupayaan mereka dalam menguasai topik ibadah solat secara berperingkat. Dalam konteks PBP, pelajar dibimbing untuk meneroka, membina makna dan mengaplikasi ilmu solat secara kolaboratif. Bimbingan sementara daripada guru membantu pelajar mencapai tahap penguasaan yang lebih tinggi melalui pengalaman pembelajaran yang aktif dan kontekstual.

Sementara itu, Teori Sosial Ibn Khaldun menegaskan bahawa pembelajaran berasaskan *tajribah* (pengalaman) dan *muhakah* (peniruan) berupaya memperkukuh pemahaman pelajar terhadap nilai-nilai Islam. Justeru dengan PBP, pelajar terlibat dalam aktiviti sebenar yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan ibadah solat, seterusnya memupuk pengalaman autentik yang meningkatkan penguasaan serta minat terhadap ibadah tersebut.

Manakala Teori Pendidikan Imam al-Ghazali pula menekankan keseimbangan antara ilmu dan amal, peranan guru sebagai *murabbi*, serta pendekatan *tadarruj* (beransur-ansur) dalam proses pengajaran. Prinsip ini seiring dengan pelaksanaan PBP yang menuntut bimbingan berterusan dan penerapan nilai dalam amalan. Secara keseluruhan, model ini menjelaskan bahawa integrasi PBP mampu meningkatkan penguasaan dan minat pelajar terhadap ibadah solat, seiring dengan pandangan Hidi dan Renninger (2006) bahawa minat yang tinggi dapat meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran.

Kesimpulan

Secara ringkasnya, tiga jurang kritikal timbul daripada kajian terdahulu. Pertama kurangnya penyelidikan berfokus kepada PBP dalam topik pembelajaran solat berbanding topik lain dalam Pendidikan Islam. Kedua, sebahagian besar kajian terarah menilai pencapaian kognitif semata-mata, namun kesan PBP terhadap penghayatan afektif dan perkembangan rohani pelajar kurang diberi perhatian. Ketiga, bukti empirikal daripada kajian yang melibatkan sampel berskala besar atau kajian membujur masih terhad, sekali gus menyukarkan pengesahan keberkesanan jangka panjang PBP dalam meningkatkan penguasaan dan minat pelajar terhadap solat. Justeru, dengan menangani jurang ini bukan sahaja berpotensi memperluas dan memperkukuh literatur berkaitan PBP dalam konteks Pendidikan Islam, malah dapat menawarkan penyelesaian pedagogi yang praktikal bagi meningkatkan kualiti PdP mata pelajaran ini di sekolah. Sehubungan itu, kertas konseptual ini bertujuan untuk mengisi jurang yang dikenal pasti dengan mencadangkan satu rangka kerja sistematik bagi mengaplikasikan PBP dalam pengajaran solat. Rangka kerja ini diharap dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap ilmu dan amalan solat serta memupuk minat yang berterusan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kajian ini mendedahkan penyepaduan pendekatan PBP ke dalam PdP solat sebagai salah satu cara untuk menangani jurang kritikal dalam pedagogi Islam. PBP membuka ruang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif, bekerjasama dengan rakan sebaya dan menggunakan pengetahuan mereka dalam konteks yang bermakna. Beberapa kajian terdahulu menyatakan bahawa PBP meningkatkan hasil kognitif dan memupuk kemahiran interpersonal, namun penerapannya dalam pembelajaran solat masih kurang diterokai, terutamanya dari segi dimensi penguasaan dan minat.

Dengan mencadangkan PBP sebagai pendekatan holistik untuk memupuk penguasaan dan minat terhadap solat, kajian ini menyumbang kepada perbincangan berterusan tentang inovasi pedagogi dalam Pendidikan Islam. Rangka kerja ini bukan sahaja bertindak balas kepada jurang penyelidikan yang dikenal pasti tetapi juga menyediakan implikasi praktikal kepada guru, pelajar dan penggubal dasar. Justeru, kajian ini menggariskan potensi PBP untuk mengubah pengajaran solat daripada berpusatkan guru kepada penyertaan aktif berpusatkan pelajar yang mengintegrasikan pertumbuhan intelek, praktikal dan rohani.

Rujukan

- Al Mufti, A. Y., Agustiana, S. P., Ali, Z., & Gunawan, M. A. (2025). Evaluation of the Readiness of Islamic Religious Education Teachers in the Implementation of the Independent Learning Curriculum. *Journal La Edusci*, 6(5), 999–1019.
- Ali, Z., Ismail, N., Hashim, N., Yahya, N. F., Shahrom, N. F. N., & Mohd Talib, N. (2025). Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Tekanan Kerja. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 10, 128–1755. <https://doi.org/10.55573/JISED.107303>
- Ali, Z., & Yahaya, N. L. (2022). Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Berdasarkan Pendekatan Hikmah di Dalam Surah Luqman Menurut Tafsir Al-Thobari: The Role of Islamic Education in The Development of Human Capital Based on The Approach of Wisdom in Surah Luqman According to Tafsir Al-Thobari. *Jurnal Pengajian Islam*, 180–194.
- Amirova, N. (2025). Traditional vs. Non-Traditional Teaching in Secondary Education: A Comparative Analysis. *Porta Universorum*, 1(3), 101–109. <https://doi.org/10.69760/portuni.010309>
- Aqil, M. (2024, September 2). *PAK21: Maksud, Elemen & Contoh Pembelajaran Abad Ke-21*. <https://pendidik.my/pak21/>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Dokumen Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*. Cepat Cetak Sdn. Bhd.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (2006). *Project-Based Learning Handbook: “Educating the Millennial Learner”* (First). KPM.
- Bradbury, N. A. (2016). Attention span during lectures: 8 seconds, 10 minutes, or more? *Advances in Physiology Education*, 40(4), 509–513. <https://doi.org/10.1152/advan.00109.2016>
- Chu, S. K. W., Reynolds, R. B., Tavares, N. J., Notari, M., & Lee, C. W. Y. (2017). *21st Century Skills Development Through Inquiry-Based Learning*. Springer Singapore. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-2481-8>
- Fadhil, M., Kasli, E., Halim, A., Evendi, Mursal, & Yusrizal. (2021). Impact of Project Based Learning on Creative Thinking Skills and Student Learning Outcomes. *Journal of Physics: Conference Series*, 1940(1), 012114. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1940/1/012114>
- Faisal, N. F. J., Yahaya, M. Z., Ismail, A. M., Samsudin, M. A., & Zahrin, S. N. A. (2022). Implementasi Pengajaran Solat Dapat Membina Kemahiran Pembelajaran Aktif Menggunakan Model Pengajaran Rasulullah SAW: Implementation of Prayer Teaching in Developing Active Learning Skills Based on the Teaching Model of the Prophet SAW. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(4), 254–267. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2022.41>
- Fawaas, M. A. H. Al, Mustofa, Z., & Daryono, R. W. (2024). The Effectiveness of Contextual Teaching and Learning (CTL) and Project Based Learning (PJBL) Methods on Student Learning Outcomes. *IJORER: International Journal of Recent Educational Research*, 5(4), 1040–1053. <https://doi.org/10.46245/ijorer.v5i4.635>
- Greener, S. (2015). What do we mean by “student-centred” learning? *Interactive Learning Environments*, 23(1), 1–2. <https://doi.org/10.1080/10494820.2015.1005423>

- Hidayat, A. R., Supendi, D., & Wulandari, D. (2024). The Influence Of The Project Based Learning Model On The Understanding Of Islamic Religious Education Learning In Class 5 Students At SD Plus Mutiara Insani Purwakarta. *IJGIE (International Journal of Graduate of Islamic Education)*, 5(1), 46–53. <https://doi.org/10.37567/ijgie.v5i1.2483>
- Hidi, S., & Renninger, K. A. (2006). The Four-Phase Model of Interest Development. *Educational Psychologist*, 41(2), 111–127. https://doi.org/10.1207/s15326985ep4102_4
- Idris, A. R., Paumat, J., & Serubih, M. R. (2020). Pencapaian murid tingkatan satu dalam ujian solat fardu di daerah Membakut, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 5(37), 245–252. <https://doi.org/10.35631/ijepc.5370020>
- Irwansyah, I. (2021). KRITERIA DEWASA (MUKALLAF) DALAM BIDANG JINAYAH. *LEGITIMASI: Jurnal Hukum Pidana Dan Politik Hukum*, 9(2), 178. <https://doi.org/10.22373/legitimasi.v9i2.8511>
- Jerai, S. Z. (2022). *Kesan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Pencapaian dan Motivasi pelajar*. Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Marise. (2024). *Applying Piaget's Theory of Cognitive Development: Strategies for Classroom Success*. <https://learningmole.com>
- Maros, M., Korenkova, M., Fila, M., Levicky, M., & Schoberova, M. (2023). Project-based learning and its effectiveness: evidence from Slovakia. *Interactive Learning Environments*, 31(7), 4147–4155. <https://doi.org/10.1080/10494820.2021.1954036>
- Min, C. O., & Mapa, M. T. (2021). Pembelajaran Berasaskan Projek dalam mata pelajaran Geografi. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1), 268–282. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1701-20>
- Mohd Shaffie, A. B. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2* (2nd ed.). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazim, M. , A. M. A. (2024). *Amalan Guru Pendidikan Islam dalam Strategi Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Fikah Solat di Sekolah Menengah*. <https://www.researchgate.net/publication/382919041>
- Nazim, M. , A. M. A., & Jasmi, K. A. (2023). Analisis Tematik Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Fikah Solat. *Prosiding Seminar Falsafah Sains Dan Ketamadunan*, 215–226. <https://utm.webex.com/join/amden>
- Nor, N. I. B. M. (2019). Kaedah berasaskan projek dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan, (JILID I)*, 11–15.
- Johari, N. S. i, Fakhruddin, F. M., & Suhid, A. (2016). Pendekatan dan kaedah pengajaran ibadah solat guru Pendidikan Islam menurut perspektif murid. 4(2), 46–53. O-jIE
- Rubino S. (2024). *Project-Based Learning and Its Impact on Student Engagement, Well-Being, and Learning Outcomes: A Study of Teachers' Perspective*. Arkansas State University.
- Tamuri, A. H., & Nor, S. M. H. (2015). Prinsip pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, 2(3), 28–42. ejournalfp.wordpress.com
- Thomas, J. (2000). A review of research on project-based learning. *Learning*.
- Wurdinger, S., & Enloe, W. (2011). Cultivating life skills at a project-based charter school. *Improving Schools*, 14(1), 84–96. <https://doi.org/10.1177/1365480211399749>